

D.R. 2/2016

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2015) 2016.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2015

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga bilion tiga ratus tiga belas juta enam ratus dua puluh dua ribu tujuh ratus sembilan puluh empat ringgit (RM3,313,622,794) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2015 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2015 [*Akta A1469*].

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	41,000,000
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	50,353,699
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,331,232,220
B. 13	Kementerian Luar Negeri	132,325,125
B. 28	Kementerian Pengangkutan	58,238,700
B. 43	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	575,473,050
B. 63	Pelajaran	125,000,000
	JUMLAH	<u>3,313,622,794</u>

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak tiga bilion tiga ratus tiga belas juta enam ratus dua puluh dua ribu tujuh ratus sembilan puluh empat ringgit (RM3,313,622,794) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2015.

[PN(U2)2206/VIII]